

MAHATHIR - SEJARAH R'R'R'

1984
KUALALUMPUR, 11 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT NEGARA INI HENDAKLAH MENJADIKAN SEJARAH MASA SILAM SEBAGAI EAHAN PERBANDINGAN UNTUK MENENTUKAN SAMADA RAKYAT BOLEH BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN HARI INI.

KATANYA PERANAN SEJARAH BUKANLAH UNTUK BERKHAYAL DENGAN +HERO-HERO+ CIPTAAN TETAPI UNTUK MENENTUKAN DIMANA KESILAPAN TELAH BERLAKU DAN APA YANG HARUS DIBUAT UNTUK KEBAIKAN DIMASA AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN PENGARANG DAN MELUKIS SEJARAH ANJURAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA DI DEWAN BAHASA DAN PUSATKAN DI SINI HARI INI.

MENURUTNYA SALAH SATU KESAN SEJARAH YANG BOLEH DIJADIKAN CONTOH ATAU PEDOMANIALAH MASYARAKAT AKAN MAJU ATAU MUNDUR MENGIKUT APA YANG SEPATUTNYA BAGI MASYARAKAT ITU.

+INI BERMAKNA JIKA KITA MALAS DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB KITA AKAN RASAI KESANNYA TETAPI JIKA KITA RAJIN KITA AKAN MENDAPAT HASILNYA.+ TERANGNYA. -- LAGI 1334/MK
NNNN

ZCZC B546

MAHATHIR - SEJARAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT TIDAK SEHARUSNYA TERLALU KAGUM TENTANG KENANGAN KEAGUNGAN SILAM KERANA MASYARAKAT YANG SERING BERCAKAP TENTANG ZAMAN GEMILANG DAHULU ADALAH MASYARAKAT YANG SUDAH MENJADI MUNDUR. SEKARANG DAN TIDAK ADA LAIN YANG HENDAK DIBANGGAKAN MELAINKAN SEJARAHNYA.

KATANYA RAMAI ORANG MERABA-RABA MENCARI +HERO+ DALAM SEJARAH NEGARA DAN KADANG-KADANG TIDAK BEGITU MENYOAL, APAKAN BENAR +HERO+ RAKYAT ITU SEBENARNYA +HERO+ SERTA MELUPAKAN SAHAJA KEBURUKANNYA LANGSUNG MENDEWA-DEWAKANNYA.

BELIAU BERKATA TUJUAN PENDEWAAN ITU ADALAH SWPAYA RAKYAT BOLEH MENGATAKAN BAHAWA MEREKA DARI KETURUNAN YANG MEGAH TETAPI ITU SEMUA ADALAH KHAYALAN DAN SUDAH PUN TIDAK ADA DAN TIDAK BERKESAN LAGI.

+YANG PENTINGIALAH PENCAPAIAN KITA SEKARANG INI. APAKAH BENAR KITA BOLEH BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN KITA JARI INI? JIKA TIDAK APAKAH KITA HARUS KHAYAL DENGAN YANG LAMA ATAU PUN KITA TENTUKAN DI MANA KITA SILAP DALAM SEJARAH KITA DAN KITA ELAK DARI MENGULANGINYA,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI 1337/MK

ZCZC B547

MAHATHIR - SEJARAH 3 KUALA LUMPUR

SEBAGAI CONTOH, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, KALAU REBUTAN TAKHTA MENYEBABKAN PENYERAHAN NEGARA KEPADA BANGSA ASING, HARI INI JANGAN LAGI ADA REBUTAN DI KALANGAN ORANG YANG BERKUASA -- IAITU, RAKYAT.

+KITA PATUT BERSATU HATI DAN TUMPUKAN SEGALA USAHA UNTUK MEMPERKUATKAN NEGARA KITA. TIDAK ADA GUNANYA PENUKARAN SISTEM JIKA AMALAN LAMA YANG MELEMAHKAN KITA DITERUSKAN,+ TEGASNYA.

MENURUTNYA PENERUSAN AMALAN LAMA YANG BURUK BERMAKNA RAKYAT TIDAK DAPAT APA-APA PELAJARAN DARIPADA SEJARAH NEGARA.

KATANYA DALAM SEJARAH NEGERI-NEGERI DALAM MALAYSIA TIDAK ADA SATU MASA YANG LEBIH BERPELUANG DARI SEKARANG.

SEBELUM PENJAJAHAN BRITISH DAHULU NEGERI-NEGERI MELAYU DAN DIPULAU BORNEO YANG KECIL-KECIL DAN TERASING TETAPI KERAP PULA BERPERANG SESAMA SENDIRI.

DALAM TIAP-TIAP NEGERI REBUTAN TEMPAT DAN KUASA BERLAKU DAN KUASA ASING SERING DIJEMPUT UNTUK MEMBANTU SESUATU PIHAK SEHINGGA AKHIRNYA NEGERI-NEGERI BERKENAAN JATUH KE TANGAN BRITISH DAN MENJADI TANAH TAKLUKNYA. -- LAGI 1341/MK

MAHATHIR - SEJARAH 4 KUALA LUMPUR

TETAPI KATANYA, NEGARA TELAH BERSATU DAN MERDEKA SERTA TELAH MENJADI NEGARA YANG BESAR DAN BOLEH MENENTUKAN NASIB RAKYAT, KEMAJUAN NEGARA DAN KEBAHAGIAAN HIDUP RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA SEJARAH MENJADI PANDUAN RAKYAT, APA YANG PERLU MEREKA LAKUKAN SEKARANG IALAH MENGUKUHKAN PERPADUAN, MENGURUS PEMERINTAHAN DENGAN BAIK, PERANCANG PEMBANGUNAN DAN MELAKSANAKANNYA DENGAN PENUH MINAT, DEDIKASI DAN MENGATASI APA-APA KEKURANGAN.

+ JIKA KITA KURANG ILMU HENDAKLAH BERUSAHA MEMPELAJARINYA, JIKA KEKURANGAN KECEKAPAN HENDAKLAH KITA LATIH DIRI SEHINGGA KITA CEKAP DAN JIKA KITA MISKIN HENDAKLAH KITA BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN KEKAYAAN, + KATANYA.

TEGASNYA LAGI SEMUA MASALAH BOLEH DIATASI ASALKAN SAHAJA RAKYAT 'TAHU TENTANG AKIBAT BURUK YANG AKAN MENJADI NASIB MEREKA JIKA TIDAK MELAKUKAN APA YANG' PERLU SEPERTI YANG DIPELAJARI DARI SEJARAH.

BELIAU BERKATA MALAYSIA BOLEH BERBANGGA KERANA DAPAT MENCAPAI KEMAJUAN KE TAHAP SEKARANG DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MENGALAMI NASIB YANG SAMA KEMUDIAN MUNCUL DAN MEROSOT BAHKAN HAPUS SARA SEKALI SEPERTI CARTHAGE, MESIR TUA, BYZANTIUM, EMPAYAR MOGUL, EMPAYAT INCA, EMPAYAR ISLAM, MAJAPAHIT DAN SRI WIJAYA. -- LAGI MAHATHIR - SEJARAH 5 KUALA LUMPUR

KATANYA SOAL YANG PERLU DITANYA APAKAH SEBABNYA SESUATU BANGSA YANG BIASA MAJU BOLEH MENJADI MUNDUR SEHINGGA DITENGGELAMI SEJARAH.

KATANYA JIKA DIKAJIDARI SEJARAH AKAN DIDAPATI PERANAN NILAI-NILAI YANG MULIA DALAM MENJAYAKAN SESUATU BANGSA IAITU KERAJINAN, KEBERANIAN, AMANAH DAN KEJUJURAN, MEMULIAKAN ILMU PENGETAHUAN DAN KECEKAPAN DIBIDANG-BIDANG TERTENTU MEMBAWA KEJAYAAN KEPADA SESUATU NEGARA.

+ APABILA NILAI-NILAI INI SUDAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA KEBUDAYAAN SESUATU BANGSA, MAKA BANGSA DAN NEGARA ITU AKAN MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG. PENGARUH MEREKA AKAN BERKEMBANG DAN MEREKA AKAN DIHORMATI DAN DISEGANI, + TEGASNYA LAGI.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI PELAJARAN DATUK DR. SULAIMAN DAUD YANG JUGANAIB YANG DIPERTUA PSM, TIMBALANNYA DATUK DR. TAN TIONG HONG DAN PEMANGKUP ENGERUSI JAWATANKUASA KERJA PSM ENCIK OMAR MOHAMMAD HASHIM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PARA PEMENANG PERADUAN TERSEBUT.

ENCPK BAHARAMAZIT DARI JABATAN PELAJARAN MELAKA MENERIMA HADIAH PERTAMA PERINGKAT UMUM IAITU WANG TUNAI \$700 DAN NAIB SWAN CIK ROZIAH BINTI AEU BAKAR DARI KUALA ROMPIN, PAHANG HADIAH KEDUA WANG TUNAI \$500. -- BERNAMA 1350/MK